

# Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Piala Perdana Menteri Anjuran PEMUDA UMNO Kepala Batas

Pasukan bola sepak KUKUM telah menyertai Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah Piala YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia yang berlangsung pada 3 Julai di Kepala Batas anjuran Pemuda UMNO Kepala Batas. Kejohanan ini telah menarik minat lebih daripada 230 pasukan seluruh Malaysia dan mencatat Malaysia Book Records.

KUKUM FT sekali lagi, mengharumkan nama Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia dengan menempatkan diri dikalangan 8 pasukan terbaik daripada 240 pasukan yang bertanding. Ini adalah keputusan yang amat mengembirakan warga KUKUM walaupun tewas pada peringkat suku akhir kepada pasukan juara iaitu Sg. Nibong FC dengan jaringan penalti. Walaupun kalah, kedudukan 8 terbaik adalah diluar sasaran jurulatih KUKUM FT. Di harap KUKUM FT akan lebih menyinar pada kejohanan-kejohanan lain.

